

**KESAKSIAN KANAK-KANAK DALAM KES-KES JENAYAH:  
PERBANDINGAN ANTARA KES SYARIAH DAN SIVIL**

**Fathin Shahirah Abd Rahim\***

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa  
Universiti Melaka  
fathin.shahirah@unimel.edu.my

*\*Corresponding author*

---

*Received Date: 10 September 2022    Accepted Date: 29 October 2022    Published Date: 31 December 2022*

---

**ABSTRAK**

Keterangan daripada saksi mampu memberi kesan kepada keputusan kes yang dibicarakan di sesuatu mahkamah. Maka, amat penting untuk memastikan kebenaran sesuatu kesaksian sebelum ia diterima. Halini demi memastikan kemenangan berpihak kepada pihak yang benar. Perbincangan ini memfokuskan kepada kesaksian kanak-kanak kerana kesaksian mereka menjadi isu dan seringkali ditolak oleh mahkamah. Oleh itu, artikel ini akan mengkaji dan membincangkan tentang sejauhmana kebolehterimaan kesaksian kanak-kanak dalam perbicaraan. Perbincangan dilakukan menggunakan kaedah pengumpulan data untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dan menemu bual hakim Mahkamah Rendah Syariah Pendang, Kedah serta menganalisis kes-kes yang melibatkan kesaksian kanak-kanak sama ada ditolak mahupun diterima. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menganalisis kes-kes dengan menggunakan kaedah perbandingan deskriptif. Hasil perbincangan menunjukkan kesaksian kanak-kanak ditolak kerana tidak disokong oleh keterangan lain dan dikhuatiri kanak-kanak tersebut terkeliru di antara realiti dan fantasi. Namun, terdapat sesetengah kes menerima kesaksian kanak-kanak dengan mengambil kira terhadap tahap kecerdasan akal kanak-kanak tersebut. Selain itu, tahap kematangan kanak-kanak juga turut diambil kira untuk memastikan mereka benar-benar memahami perkara yang telah berlaku semasa memberikan keterangan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya satu ujian dilakukan terhadap kanak-kanak untuk menguji tahap kecerdasan dan kebijaksanaan mereka. Antara perkara yang sepatutnya dinilai semasa ujian ini adalah tahap *mumayyiz*, kematangan dan kebijaksanaan seseorang kanak-kanak. Di samping itu juga, perkara lain yang perlu dititik beratkan adalah dari aspek pendidikan dan persekitaran kanak-kanak tersebut.

**Kata Kunci:** keterangan, saksi, kanak-kanak, kebolehterimaan, ujian, kecerdasan, kematangan

## **CHILD WITNESS IN CRIMINAL CASES: A COMPARISON BETWEEN SHARIAH AND CIVIL CASES**

### **ABSTRACT**

*Admissibility of witnesses can affect the outcome of a case in court. Therefore, it is very important to ensure the truth of an evidence before it is accepted. This article focuses on child witness because of their evidence always got rejected by the court. The article was conducted by using data collection methods to collect relevant information and interviewing the judges of the Pendang Syariah Lower Court, Kedah as well as analyzing cases involving children's evidence whether rejected or accepted. Descriptive comparison method also had been used in this research. By the end of this article showed that the reason why child witness was rejected is because it was not supported by the other evidence and the judges worry the child was confused between reality and fantasy. However, there are some cases accept child witness by taking into consideration of the child's level of intellectual intelligence. In addition, the maturity level of children is also taken into consideration to make sure they really understand what was happened while giving evidence. So that, this writer suggests to do a test on the child witness to test their level of intelligence and wisdom. Among the things that should be evaluated during this test is the level of maturity, maturity and wisdom of a child. In addition, things that need to be emphasized to admit the witness are the child's education and environment.*

**Keyword:** *evidence, witness, child, admissibility, test, intelligence, maturity*

### **PENDAHULUAN**

Kesaksian merupakan salah satu kaedah pembuktian yang penting dalam sistem perundangan Islam mahupun sivil. Kesaksian dari sudut bahasa ialah menghadirkan (*al-hudur*), penerangan atau khabar yang pasti. Manakala, dari sudut istilah pula, kesaksian merupakan informasi yang diberikan oleh orang yang jujur untuk menetapkan suatu hak dengan menggunakan perkataan saksi atau menyaksikan (*asy- syahadah*) di hadapan hakim dalam perbicaraan di mahkamah (Wahbah, 2011). Dalil keujahan kesaksian adalah berdasarkan surah an-Nisa ayat 135:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوِّمِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ  
إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَىٰ ۖ إِن تَعَدِلُوا ۖ وَإِن تَلَوَّأْ أَوْ تُعْرَضُوا ۖ فَإِنَّ اللَّهَ  
كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ۝ ١٣٥

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. jika ia kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha mengetahui segala apa yang kamu kerjakan.*

(Al-Nisa' 4: 135)

Definisi kanak-kanak menurut Akta Kanak-Kanak 2001 adalah seseorang yang berumur lapan belastahun ke bawah. Dalam kes *Choo Chong & lain-lain lawan Pendakwa Raya [1960] 1 MLJ 23* dan kes *Sidek Bin Ludan lawan Pendakwa Raya [1995] 3 MLJ 178*, Hakim telah meragui dan menolak kesaksian yang dibuat oleh kanak-kanak yang berumur dua belas tahun dengan alasan kemungkinan kanak-kanak tersebut belum memahami sepenuhnya tentang kesan pengakuan sumpah yang diberikannya. Selain itu, hakim turut berpendapat bahawa kanak-kanak tersebut masih belum dapat membezakan di antara keadaan sebenar mahupun khayalan.

Oleh itu, timbul persoalan mengenai apakah faktor kebolehterimaan kesaksian kanak-kanak? Artikel Ini akan menganalisis kes-kes yang menerima dan menolak kesaksian kanak-kanak dan mengenal pasti faktor-faktor kebolehterimaan kesaksian kanak-kanak. Adakah faktor kebolehterimaan kesaksian kanak-kanak seperti *mumayyiz* dan kecerdikan diambil kira? Manakala, adakah faktor penolakannya adalah disebabkan kanak-kanak itu tidak boleh membezakan antara baik dan buruk?

## **KONSEP KESAKSIAN KANAK-KANAK**

Kesaksian (*al-syahadah*) diterima pakai dalam perundangan Islam dan Sivil sebagai salah satu kaedah pembuktian dalam menentukan sesuatu kesalahan itu di mahkamah. Walaupun begitu, terdapat sedikit perbincangan mengenai kesaksian kanak-kanak menurut para ulama dan juga peruntukan yang sedia ada di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.

### **Kesaksian Kanak-Kanak Menurut Hukum Syarak**

Secara umumnya, syarat-syarat seorang saksi menurut Imam Nawawi r.a mestilah beragama Islam, merdeka, mukallaf, adil, menjaga maruah dan tiada tohmahan. Syarat beragama Islam, dewasa dan berakal telah diterima secara *ijma'* oleh para ulama'. Tambahan lagi, Imam Syafie turut menegaskan kesaksian kanak-kanak lelaki atau perempuan tidak boleh diterima sama ada sesama mereka mahupun ke atas oranglain dalam semua jenis kes walaupun kanak-kanak tersebut memiliki sifat keadilan seorang *mukallaf*. Namun begitu, apabila kanak-kanak itu telah pun baligh semasa kesaksian itu disampaikan (*ada' al-syahadah*), maka kesaksiannya itu boleh diterima (Syafie, 1983).

Pendapat di atas dikuatkan lagi dengan pandangan daripada Ibn Qayyim yang menerima kesaksian kanak-kanak kerana beliau hanya menetapkan dua syarat kesaksian yang layak diterima iaitu beragama Islam dan bersikap adil sahaja. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa kesaksian kanak-kanak yang telah baligh layak diterima sebagai keterangan dalam perundangan Islam. Selain itu, mazhab Maliki dan Hanbali juga turut menerima pakai kesaksian kanak-kanak yang telah mencapai umur *mumayyiz* dalam kes jenayah yang berkaitan dengan kecederaan dan pembunuhan (*al-dima'*) dengan syarat kanak-kanak itu menyaksikan sendiri kejadian tersebut dan tiada orang dewasa lain yang turut menyaksikannya (Siti Zalikhah, 2006; Amin al-Jarumi, 2005).

Dalam menentukan peringkat umur kanak-kanak, pelbagai pendekatan telah dibincangkan oleh para ulama' fiqh. Antaranya ialah Imam Muhamad Abu Zahrah telah mengklasifikasikan umur kanak-kanak kepada dua peringkat utama iaitu peringkat sebelum *mumayyiz* dan setelah *mumayyiz*. Manakala Abd al-Qadir Awdah memulakan pembahagian tahap kematangan kanak-kanak dengan melihat tiga tahap iaitu kemampuan mereka dalam

memahami dan memilih antara baik atau buruk sesuatu keadaan, tahap kemampuan memahami yang lemah dan tahap kemampuan memahami yang sempurna (Abd al-Qadir, 1989). Setiap pendekatan ini adalah untuk memudahkan kefahaman sahaja dan hakikatnya semua pendekatan adalah perkara yang sama. Perkara yang perlu diteliti adalah kedudukan kanak-kanak dan kesaksian mereka (Siti Zalikah, 2006).

Kesimpulannya, Islam menerima kesaksian kanak-kanak dengan syarat kanak-kanak itu telah baligh dan dapat menilai antara baik atau buruk sesuatu perkara (*mumayyiz*). Bagi tujuan menegakkan keadilan, tidak semestinya segala perkara yang terkandung dalam konsep *syahadah* akan kekal bentuknyaseperti yang dibincangkan oleh para *fuqaha*. Keadilan yang menjadi salah satu matlamat syarak tidak semestinya dalam bentuk yang tetap dan tidak berubah tanpa mengiktiraf perubahan yang berlaku disebabkan perubahan masa, tempat dan kebiasaan atau *'uruf* masyarakat. Berbeza dalam soal ibadat, alasan perubahan waktu, tempat dan keadaan tidak akan berlaku (Azizah, 2016).

### **Kesaksian Kanak-Kanak Menurut Mahkamah Syariah**

Dalam keadaan tertentu, sekiranya hanya kesaksian kanak-kanak sahaja yang ada pada ketika itu seperti dalam kes penganiayaan dalam rumah tangga, maka pengabaian keterangan tersebut disebabkan tidak memenuhi syarat baligh dalam syahadah memungkinkan sesuatu kes itu tidak dapat diputuskan dengan adil. Dalam surah al-Baqarah ayat 282 yang berbunyi:

وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ ۚ

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu.*

(Al-Baqarah 2: 282)

Menurut Siti Hajar Mohd Yassin (1995) dalam kajiannya mengenai kesaksian kanak-kanak menurut Islam telah merumuskan bahawa dalil di atas adalah mengenai kesaksian dua orang saksi lelaki masih terbuka kepada ruang ijtihad kerana ayat itu bersifat umum dan tidak mengehadkan umur tertentu selagimana bertujuan memelihara keadilan dan amanah.

Menurut seksyen 83 (4) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (AKMSWP), seseorang yang belum baligh atau tidak sempurna akal adalah berkompeten untuk memberi keterangan berbentuk bayyinah, bukan berbentuk syahadah. Hal ini kerana bayyinah lebih bersifat umum dan syahadah termasuk di bawah kategori bayyinah. Apabila syarat seorang saksi tidak dipenuhi, maka keterangannya boleh diambil sebagai bayyinah. Keterangan seperti ini tidak wajar ditolak dan harus diterima pakai oleh mahkamah (Azizah, 2016; Wafaa', 2018).

Pandangan Ibn al-Qayyim dijadikan sebagai pemangkin dan rujukan terhadap konsep bayyinah yang lebih luas berbanding syahadah sebagai hujah penerimaan kesaksian kanak-kanak. Beliau berpandangan penerimaan keterangan kanak-kanak dalam kes-kes tertentu bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan selaras dengan kaedah fiqh iaitu *المَشَقَّةُ بَحْلِبِ التَّيْسِيرِ* iaitu kesukaran menjadi sebab kepada kemudahan dan keringanan. Kaedah tersebut menggambarkan bahawa sikap terlalu terikat dengan prinsip perundangan boleh membawa kepada kesukaran dalam situasi tertentu. Oleh itu, dalam beberapa keadaan beban tanggungan seseorang dalam mendokong prinsip perundangan tersebut perlu diringankan

supaya kemudaran dan ketidakadilan boleh dihindarkan. Walaupun prinsip umum kanak-kanak tidak boleh menyampaikan syahadah kerana kewujudan tohmahan dan keraguan, tetapi bukanlah bermakna golongan ini sama sekali tidak boleh memberikan keterangan langsung atas tiket 'bayyinah' (Azizah, 2016).

Secara keseluruhannya, walaupun kesaksian kanak-kanak sememangnya tidak dapat mencapai tahap yaqin sebagai salah satu ciri penting dalam syahadah, namun dapat dirumuskan bahawa keterangan kanak-kanak masih boleh diterima dengan berhati-hati bagi memastikan keadilan dapat dipelihara. Prinsip ini tidak memberi maksud penolakan keterangan kanak-kanak secara mutlak tetapi ia lebih kepada prinsip mencari kebenaran sesuai dengan situasi dan keadaan. Terutamanya dalam keadaan kes di mana hanya terdapat saksi kanak-kanak yang berupaya membezakan baik dan buruk, bersikap amanah dan bijak serta tidak ada saksi dewasa lain yang boleh diperolehi semasa jenayah itu berlaku, maka kesaksian mereka selayaknya diterima (Azizah, 2016).

### **Kesaksian Kanak-Kanak Menurut Mahkamah Sivil**

Apabila membicarakan tentang keterangan kanak-kanak, terdapat dua statut utama yang menyediakan peruntukan khusus kepada golongan ini, iaitu Akta Keterangan 1950 (AK 1950) dan Akta Keterangan Kanak-kanak 2007 (AKSKK). Akta Keterangan 1950 merupakan statut utama berkaitan undang-undang keterangan di Malaysia yang menyediakan peruntukan berkaitan maksud keterangan, kerelevanan, pembuktian, bentuk keterangan, pengemukaan keterangan, kesannya dan sebagainya. Berkenaan dengan keterangan saksi kanak-kanak, statut ini menyediakan peruntukan khusus di bawah seksyen 118 dan seksyen 133A AK 1950. Seksyen ini menggariskan prinsip tentang kelayakan seseorang kanak-kanak yang memberikan keterangan, jenis keterangan, syarat penerimaan serta kesan keterangan kanak-kanak (Aminuddin & Siti Nurul Aziera, 2012).

Seksyen 118 AK 1950 menyatakan kanak-kanak boleh memberi keterangan di mahkamah dengansyarat dia mestilah memahami soalan dan boleh memberikan jawapan yang rasional. Bagaimanakah mahkamah menentukan sama ada kanak-kanak itu berkompoten atau tidak untuk memberi keterangan? Mahkamah perlu melakukan pemeriksaan terlebih dahulu dengan menanyakan beberapa soalan kepada mereka seperti umur, apa-apa soalan yang wajar ditanya sama ada ia mampu untuk memahami soalan, dapat memberi jawapan yang rasional dan memahami sebab dan akibat memberi keterangan bersumpah (Mazlan, 2016).

Seksyen 133A AK 1950 pula memperuntukkan mengenai saksi kanak-kanak yang memberi keterangan tanpa bersumpah. Apabila seorang kanak-kanak yang masih muda dipanggil sebagai saksi di mahkamah dan pada pendapat mahkamah dia tidak faham apa sebenarnya maksud sumpah, keterangannya masih boleh diterima walaupun diberi dengan cara tidak mengangkat sumpah dengan syarat sekiranya keterangan tersebut diberi bagi pihak pendakwaan, orang kena tuduh (OKT) tidak boleh disabitkan atas kesalahan melainkan jika keterangan itu disokong dengan keterangan-keterangan material lain (Jal Zabdi, 2010).

Apabila saksi kanak-kanak memberi kesaksian dengan cara bersumpah, terdapat dua proses yang perlu dilaksanakan ke atas kanak-kanak itu sebelum menerima kesaksiannya. Pertama, mahkamah hendaklah menjalankan penyiasatan awal (*preliminary inquiries*) terhadap saksi kanak-kanak itu. Kegagalan di peringkat ini menentukan keupayaan kanak-

kanak memberi keterangan. Jika tidak, keterangannya boleh diketepikan. Kedua, mahkamah mestilah menentukan sama ada kanak-kanak tersebut mampu memahami erti sumpah yang akan diambil atau sebaliknya. Sekiranya mahkamah mendapati kanak-kanak itu tidak memahami erti sumpah, maka mahkamah tidak akan membenarkan kanak-kanak itu memberikan keterangan secara bersumpah. Implikasinya, sekiranya keterangan itu tidak diberikan secara bersumpah, keterangan itu perlu disokong dengan bentuk keterangan yang lain (Jal Zabdi, 2010).

Contohnya dalam kes *Yusaini bin Mat Adam v Public Prosecutor [1999] 3 MLJ 582*, Mahkamah Tinggi telah mengetepikan sabitan kerana kegagalan hakim bicara mengikut prosedur dalam seksyen 133A. Oleh itu, jelaslah bahawa mahkamah bertanggungjawab untuk menentukan kompetensi dan kelayakan kanak-kanak untuk menjadi saksi. Perkara ini dilakukan dengan menyoal kanak-kanak tersebut tentang aspek-aspek tertentu seperti maksud sumpah, pemahaman tentang keterangan bersumpah, kewajipan bercakap benar di mahkamah, kesan dan akibat tidak bercakap benar dan sebagainya.

Selain itu, Hakim juga perlu memastikan sama ada saksi kanak-kanak itu memahami erti sumpah yang akan diambil atau tidak. Dalam kes *Gurdial Singh a/l Pretum Singh [2002] MLJU 429*, mahkamah tidak membenarkan saksi yang berumur sembilan tahun untuk memberikan keterangan kerana tidak memahami maksud dan implikasi sumpah walaupun berkemampuan untuk memberikan keterangan. Mahkamah melihat kepada umur kanak-kanak yang terlalu mentah untuk membuat penilaian.

Akan tetapi, dalam kes *Shamsinar Abdul Halim v. PP & Rayuan Yang Lain [2018] 1 LNS 422*, Hakim Mahkamah Rayuan dalam kes ini menyatakan dalam kes siasatan awal untuk menentukan takat kepandaian seseorang saksi kanak-kanak bukanlah suatu hal yang mandatori kerana hakim bicara mempunyai budi bicara untuk menerima keterangan seseorang saksi kanak-kanak yang masih mentah jika mahkamah berpendapat kanak-kanak itu memahami apa sebenarnya sesuatu sumpah itu.

Adalah menjadi tugas mahkamah untuk menentukan sama ada seseorang kanak-kanak layak memberikan keterangan bersumpah, keterangan tidak bersumpah atau tidak layak sama sekali untuk memberikan keterangan di mahkamah. Bersesuaian dengan peredaran zaman, peruntukan undang-undang berhubung dengan kemampuan kanak-kanak memberikan keterangan seharusnya bersifat lebih terbuka, telus dan saksama (Aminuddin & Siti Nurul Aziera, 2012).

Hal ini kerana, seksyen 133A AK 1950 dilihat bersifat prejudis terhadap saksi kanak-kanak berbanding saksi dewasa kerana ketidakbolehterimaan keterangannya sekiranya diberikan secara tidak bersumpah. Peruntukan ini meskipun mempunyai asas yang tersendiri, ia dilihat tidak adil kepada saksi kanak-kanak. Syarat yang mewajibkan keterangan tidak bersumpah kanak-kanak mestilah disokong dengan keterangan sokongan (*corroborative evidence*) juga boleh memberikan kesan kepada proses keadilan, sekiranya saksi yang ada hanyalah kanak-kanak yang memberikan keterangan tidak bersumpah tanpa disokong oleh keterangan yang lain. Dalam situasi tersebut, mahkamah tidak boleh mensabitkan tertuduh atas alasan tiadanya keterangan sokongan, meskipun mahkamah mempercayai keterangan yang diberikan oleh kanak-kanak terbabit. Sepatutnya, kebebasan perlu diberikan kepada hakim untuk menilai kekuatan serta kebolehpercayaan keterangan tidak bersumpah kanak-kanak tersebut dan membuat keputusan sewajarnya. Dalam erti kata yang lain, faktor seseorang kanak-kanak hanya layak memberikan keterangan tidak

bersumpah perlu dihadkan sebagai sekadar memberikan kesan kepada kebolehpercayaan dan nilai keterangan kanak-kanak, bukannya menjadi penghalang kepada mahkamah untuk menerimapakai keterangan kanak-kanak (Aminuddin & Siti Nurul Aziera, 2012).

Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kes *Sidek bin Ludan v PP [1995] 3 MLJ 178* di mana terdapat tiga saksi kanak-kanak iaitu dua saksi mata dan seorang mangsa. Mereka semua berumur di bawah sepuluh tahun dan dibenarkan untuk memberikan keterangan bersumpah. Mahkamah menyatakan kelayakan untuk bersumpah tidak bergantung kepada usia, tetapi bergantung kepada tahap pemahaman mereka. Keterangan bersumpah akan menggunakan prosedur biasa yang digunakan untuk saksi dewasa dan tidak memerlukan keterangan sokongan serta keterangan tersebut juga boleh dicabar melalui pemeriksaan balas.

Begitu juga dengan kes *Loo Chuan Huat v Public Prosecutor [1971] 2 MLJ 167b* di mana dalam kes ini mahkamah menganggap bahawa keterangan kanak-kanak boleh berdiri sendiri dan tidak memerlukan keterangan sokongan yang lain. Namun, mahkamah mestilah secara berhati-hati sekiranya tiada keterangan sokongan yang lain dan mahkamah mestilah memberikan amaran kepada dirinyamenegenai risiko untuk menerima keterangan bersumpah kanak-kanak itu untuk mensabitkan tertuduh (Mazlan, 2016).

Di samping itu, Parlimen Malaysia juga telah memperuntukkan suatu peruntukan yang berhubung dengan pemberian keterangan kesaksian kanak-kanak dan mengenai perkara-perkara lain yang berkait dengannya dalam suatu akta yang khusus iaitu Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (AKSKK). Saksi kanak-kanak bagi akta ini adalah seseorang yang berada di bawah umur enam belas tahun yang dipanggil atau dicadangkan untuk dipanggil memberi keterangan dalam mana-mana prosiding tetapi tidak termasuk seorang tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan.

Menurut seksyen 3(1) akta di atas, seorang kanak-kanak boleh pada mana-mana peringkat perbicaraan memberi keterangan dalam mana-mana satu atau gabungan cara iaitu pertama, dengan mengadakan suatu pengadang di antara kanak-kanak dengan tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas kesalahan tersebut, kedua dengan cara rangkaian secara langsung atau ketiga melalui rakaman video. Pengadangan di sini adalah seorang saksi kanak-kanak semasa memberi keterangan di mahkamah boleh dihalang dengan cara suatu pengadang atau perkiraan lain daripada melihat dan dilihat oleh tertuduh. Pengadang itu tidak boleh menghalang saksi kanak-kanak itu daripada boleh melihat dan dilihat oleh Mahkamah, pendakwa, peguambela atau jurubahasa (Aminuddin & Siti Nurul Aziera, 2012).

Seksyen 17 AKSKK juga menyatakan kanak-kanak dianggap kompeten untuk memberikan keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat sebaliknya. Seksyen 18 akta yang sama pula menyatakan mahkamah boleh membenarkan keterangan tanpa sokongan seseorang kanak-kanak, yang diberikan dengan sumpah atau sebaliknya, diterima. Bagaimanapun, mahkamah hendaklah menentukan kanak-kanak itu memiliki kecerdasan yang mencukupi dan memahami kewajipan untuk bercakap benar.

Jadi, jelaslah di sini bahawa keterangan saksi kanak-kanak boleh diterima sekiranya disokong oleh keterangan lain apabila ia memberikan kesaksiannya tanpa mengangkat sumpah. Manakala sekiranya kesaksian tersebut diberikan dengan cara mengangkat sumpah, maka keterangan tersebut boleh diterima pakai di mahkamah. Kesimpulannya, kesaksian kanak-kanak masih boleh diterima sama seperti keterangan orang dewasa sekiranya semua

syarat-syarat yang diperuntukkan dapat dipenuhi.

## **FAKTOR PENOLAKAN KESAKSIAN KANAK-KANAK**

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kesaksian kanak-kanak itu tidak diterima di mahkamah. Pengkaji turut membawa beberapa contoh kes bagi menjelaskan lagi perkara ini. Antaranya ialah:

### **i) Ketiadaan Keterangan Lain yang Menyokong**

Keterangan seorang kanak-kanak yang diberikan tanpa sumpah tidak diterima di mahkamah melainkan ia disokong oleh keterangan lain. Hal ini dapat dilihat dalam kes *Ravamanickam v Public Prosecutor [1966] 1 MLJ 60*. Tertuduh telah disabitkan mematikan orang dengan salah dan dihukum dibawah seksyen 304 Kanun Keseksaan. Tertuduh didakwa membunuh seorang wanita bernama Mailomba di Jalan Klang, Kuala Lumpur pada malam 4 Oktober 1965. Bukti yang kuat diperlukan sama ada tangan yang menikam si mati adalah tangan perayu atau pun tangan orang lain. Satu-satunya keterangan yang ada ialah keterangan tidak bersumpah seorang budak lelaki berusia lapan tahun yang merupakan anak kepada si mati. Hakim dalam kes tersebut berpendapat bahawa, “Keterangan tidak bersumpah oleh seorang kanak-kanak tidak boleh diterima melainkan ia disokong pada beberapa butir penting oleh keterangan yang tidak bergantung kepada yang lain”.

Kes ini telah merujuk kepada kes *Chao Chong & Ors v Public Prosecutor [1960] 1 MLJ 238*. Hakim dalam kes ini telah menyatakan bahawa antara sebab keterangan kanak-kanak dianggap curiga adalah sekiranya kanak-kanak tidak memahami sepenuhnya kesan mengangkat sumpah. Sebab yang lain adalah kanak-kanak sukar membezakan antara realiti dan fantasi. Hakim perlu bijak mempertimbangkan pengalaman saksi itu dengan cerita-cerita yang diberitahu oleh kanak-kanak itu sendiri. Tidak sepatutnya seseorang hakim itu bertindak hanya berdasarkan keterangan seorang kanak-kanak yang tidak disokong. Agak mustahil untuk mensabitkan tertuduh tanpa keterangan sokongan yang lain. Akhirnya hakim dalam kes ini memutuskan bahawa sabitan terhadap tertuduh dimansuhkan.

### **ii) Keliru di Antara Realiti dan Fantasi**

Kata-kata seorang kanak-kanak seringkali tidak dipercayai oleh orang dewasa kerana mereka dikhuatiri terkeliru malah tidak dapat membezakan di antara fantasi dan realiti. Perkara ini dalam dilihat dalam kes *Public Prosecutor v Richard Devadasan A/L Sabariah [2005] 3 MLJ 17*. Responden berhadapan dengan tuduhan pembunuhan di Mahkamah Tinggi Ipoh. Pihak pendakwaan bersandarkan pada keterangan tiga saksi utama iaitu PW3 (isteri si mati), PW5 (anak si mati iaitu saksi kanak-kanak) dan PW8 (seorang kawan tertuduh). Keterangan yang ingin ditekankan dalam kes ini adalah keterangan PW5 iaitu anak si mati. PW5 berumur 13 tahun pada masa dia memberikan keterangan. PW5 memberitahu bahawa dia dapat melihat wajah responden. Namun, apabila tiba saat perbarisan cam, dia tidak mampu untuk mengecam responden. Semasa pemeriksaan balas, PW5 sekali lagi mengaku bahawa dia tidak dapat mengecam kedua-dua lelaki tersebut semasa perbarisan cam. Dia tidak pernah melihat mereka sebelum kejadian. Dia tidak melihat sesiapa pun yang menyerupai responden semasa perbarisan cam. Tetapi apabila ditanya bagaimana dia dapat mengecam responden semasa di dalam mahkamah, PW5 membalas bahawa rambut responden panjang dan dia mempunyai misai. Perkara ini aneh kerana responden yang berada di dalam kandang tertuduh tidak mempunyai misai dan PW5 bersetuju. Perkara ini membuktikan kanak-kanak mudah keliru dan tidak dapat menentukan sesuatu perkara yang benar. Tambahan lagi, hakim dalam kes ini mendapati tiada keterangan sokongan terhadap keterangan PW5.



Selain itu, kes *Tajudin bin Salleh v Public Prosecutor [2008] 1 MLJ 397* turut menengahkan isu ini. Tertuduh yang berusia 58 tahun telah didakwa di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan di Mahkamah Majistret kerana menggunakan kekerasan jenayah dengan niat dengan mencabul kehormatan seorang kanak-kanak perempuan yang berusia 10 tahun. Beliau telah disabitkan atas pertuduhan dan dihukum 20 bulan penjara. Tertuduh telah merayu terhadap sabitan dan hukuman dan Timbalan Pendakwa Raya telah membuat rayuan bersilang terhadap hukuman yang tidak setimpal. Ketika rayuan, peguam tertuduh menegaskan bahawa majistret telah gagal untuk memeriksa sama ada mangsa kanak-kanak (PW2) dan saksi kanak-kanak (PW3) mempunyai kesedaran yang mencukupi atas keseriusan keadaan seperti mana yang diperlukan dalam undang-undang dan amalan. Keterangan PW2 juga tidak disokong serta tidak terdapat bukti untuk menunjukkan bahawa majistret telah membuktikan kompetennya saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan.

Di bawah seksyen 118 AK 1950 memperuntukkan bahawa semua orang adalah kompeten untuk menjadi saksi sekiranya semua syarat dipenuhi seperti boleh memahami soalan yang ditanyakan, dapat memberikan jawapan yang rasional dan sebagainya. Mahkamah mempunyai bidang kuasa yang luas untuk memeriksa kapasiti intelektual. Kompeten di bawah seksyen ini tidak diuji atas dasar umur seseorang tetapi hanya atas dasar kapabilitinya untuk memahami. Jika kanak-kanak tersebut dapat menjawab soalan-soalan yang diberikan, hakim akan memperakui bahawa kanak-kanak tersebut adalah saksi yang kompeten.

Keterangannya boleh diterima tanpa bersumpah jika mahkamah berpendapat bahawa kanak-kanak tersebut memiliki kebijaksanaan yang mencukupi untuk menjustifikasikan penerimaan keterangan, dan memahami tanggungjawab berkata benar. Tetapi, keterangan kanak-kanak itu mestilah disokong atau mestilah terdapatnya keterangan lain yang mensabitkan tertuduh sebelum beliau boleh disabitkan. Bahaya sekiranya mahkamah bergantung sepenuhnya kepada keterangan saksi kanak-kanak semata-mata kerana ia mungkin boleh dipengaruhi oleh orang dewasa yang mempunyai kepentingan dalam kes.

## **GARIS PANDUAN PENERIMAAN KESAKSIAN KANAK-KANAK DI MAHKAMAH**

Setelah meneliti konsep kesaksian kanak-kanak dan menganalisa kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah sama ada menolak mahupun menerima kesaksian kanak-kanak, pengkaji menyimpulkan bahawa kesaksian kanak-kanak pada hakikatnya boleh diterima melalui beberapa syarat.

Hasil daripada analisis yang dilakukan, mahkamah sewajarnya menjalankan ujian terhadap saksi kanak-kanak untuk mengetahui tahap kefahaman dan kejujuran kanak-kanak agar keterangan yang diberi di mahkamah adalah benar dan boleh diterima untuk mensabitkan tertuduh. Oleh itu, satu cadangan garis panduan dicadangkan bagi kegunaan pihak mahkamah dalam proses menguji saksi seorang kanak-kanak. Antara perkara yang perlu dinilai oleh mahkamah adalah :

### **i) Mumayyiz, matang dan cerdik**

Mahkamah perlu menilai sama ada kanak-kanak tersebut sudah mumayyiz iaitu tahu membezakan antara baik dan buruk serta matang dan cerdik untuk bercakap benar dan tidak

mereka-reka cerita dalam memberikan keterangannya. Menurut Ibrahim al-Bajuri (1918), antara tanda tamyiz adalah seseorang itu mengetahui apa yang dikata oleh orang dan dia tahu untuk menjawabnya. Kecerdikan seorang kanak-kanak juga boleh dinilai berdasarkan interaksi beliau dengan orang sekeliling. Pihak mahkamah boleh mengajukan beberapa soalan ringkas seperti, “Apakah kesan bercakap bohong?”, “Apabila baju berwarna hitam dikatakan putih, adakah ia benar atau bohong?”, “Apakah tujuan hadir ke mahkamah?” dan beberapa soalan lain yang dirasakan boleh digunakan untuk melihat sama ada kanak-kanak itu dapat berfikir dengan baik dan cukup cerdik untuk berkata benar dalam keterangannya.

### **ii) Pendidikan**

Pendidikan kanak-kanak tersebut mestilah diteliti terlebih dahulu. Jenis pendidikan yang diterima, sekolah mana yang dimasuki, guru yang mengajar, keputusan peperiksaan dan lain-lain lagi perlu diambil kira. Sekolah yang dikenalpasti merupakan sekolah yang terbaik sudah pasti memberikan pendidikan yang terbaik kepada kanak-kanak tersebut. Keputusan peperiksaan juga menggambarkan bahawa kanak-kanak tersebut adalah cerdik dan boleh berfikir dengan baik (M Sayyid, 2007). Maka, apabila kanak-kanak tersebut mempunyai tahap pendidikan yang mantap, tiada sebab untuk mahkamah meragui keterangan yang diberikan oleh kanak-kanak tersebut. Pendidikan yang bagus menjadikan kemampuan akal seseorang dapat berkembang dengan baik.

### **iii) Persekitaran**

Mahkamah perlu menilai keadaan persekitaran kanak-kanak tersebut sebelum menerima kesaksian mereka. Perkara ini adalah disebabkan persekitaran merupakan satu faktor yang penting dalam membentuk peribadi kanak-kanak tersebut. Mahkamah perlu menyiasat keadaan tempat tinggal dan persekitaran tempat tinggal kanak-kanak tersebut. Selain itu, faktor hubungan dengan kawan-kawan juga banyak mempengaruhi perwatakan kanak-kanak tersebut. Maka, mahkamah perlu memastikan bahawa mereka bebas dari pengaruh yang negatif serta mempunyai latar belakang yang baik sebelum menerima keterangan yang diberikan oleh kanak-kanak tersebut.

## **PENUTUP**

Penerimaan atau penolakan kesaksian kanak-kanak bergantung kepada keadaan kes tersebut. Sama ada tahap kefahaman kanak-kanak itu sendiri atau kematangan yang diukur melalui pemeriksaan awal oleh hakim untuk memastikan bahawa kanak-kanak itu boleh membuat kesaksian secara bersumpah atau tidak. Selain itu, penambahbaikan perlu dilakukan seperti menyediakan satu garis atau menambahbaik seksyen 133A Akta Keterangan 1950 bagi membolehkan kesaksian kanak-kanak diterima pakai walaupun tanpa keterangan lain yang menyokong sepertimana yang telah dilaksanakan di negara United Kingdom. Negara tersebut telah memansuhkan seksyen 34 *English Criminal Justice Act* iaitu akta ini tidak mewajibkan keterangan sokongan yang lain bagi kesaksian kanak-kanak yang dibuat tanpa sumpah.

Kesaksian kanak-kanak sepatutnya boleh diterima oleh mahkamah walaupun tanpa sumpah dengan syarat saksi telah cukup akal dan mempunyai kecerdikan tentang kewajipan bercakap benar. Sekiranya keterangan itu tidak memenuhi syarat-syarat *syhadah*, ia masih boleh diterima pakai sebagai *bayyinah*. Tidak sewajarnya kesaksian kanak-kanak terus ditolak kerana berkemungkinan ia merupakan satu-satunya keterangan yang ada untuk mensabitkan tertuduh. Mahkamah harus mengikut peredaran zaman terutamanya untuk mengambil pendekatan praktikal berdasarkan kepada tahap daya kognitif kanak-kanak di era masa kini yang jauh tidak lagi sama dengan kanak-kanak di era terdahulu.

## **RUJUKAN**

- Aminuddin Mustaffa & Siti Nurul Aziera Moharani. 2012. Isu dan Permasalahan Keterangan Kanak-kanak di Bawah Undang-undang di Malaysia: Satu Penilaian. 24 KANUN (1): 52-76.
- Amin al-Jarumi. 2005. *Pembuktian Dalam Syariat Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti(UPENA)
- Azizah Rapini. 2016. *Jurnal Hukum: Syahadah Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia: Satu Kajian Literatur*. Kolej Universiti Islam Selangor.
- Ibrahim al-Bajuri. 1918. *Hasyiah al-Bajuri 'ala Ibn Qasim al-Ghazi*. Juzuk 1. Mesir: Darul Ihya' al-Kitabal-'Arabiyah.
- Jal Zabidi. 2010. Keterangan Kanak-kanak: Kenapa? Tidak Percaya Ke? Dlm *Jenayah Kekerasan RumahTangga, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mazlan Yahya. 2016. Slide Teknik Pemeriksaan Saksi. Bengkel di ILKAP Bangi.
- Muhammad Idris. 1983. *Al-Umm*. Jilid 7. Kaherah: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- M. Sayyid Muhammad Az-Za'balawi. 2007. *Pendidikan Remaja antara Islam & Ilmu Jiwa*. Indonesia: Gema Insani Press.
- Siti Zalikhah Md. Noor. 2006. *Al-Syariah*. Jilid 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Wafaa' Yusof. 2018. Tatacara Soal Siasat Suspek Kes Jenayah Syariah Negeri-Negeri Di Malaysia Dlm eProceeding of International Conference on Islam and Global Issues. 25-26 Mac 2018. Kelantan:UiTM.

## **STATUT**

- Akta Keterangan 1950.  
Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah  
Persekutuan 1997  
Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak  
2007.

## **KES-KES**

- Choo Chong & lain-lain lawan Pendakwa Raya [1960] 1 MLJ 23*  
*Sidek Bin Ludan lawan Pendakwa Raya [1995] 3 MLJ 178*  
*Yusaini bin Mat Adam v Public Prosecutor [1999] 3 MLJ 582*  
*Gurdial Singh a/l Pretum Singh [2002] MLJU 429*  
*Shamsinar Abdul Halim v. PP & Rayuan Yang Lain [2018] 1 LNS 422*  
*Loo Chuan Huat v Public Prosecutor [1971] 2 MLJ 167b*  
*Ravamanickam v Public Prosecutor [1966]1 MLJ 60*  
*Public Prosecutor v Richard Devadasan A/L Sabariah [2005] 3 MLJ 17.*  
*Tajudin bin Salleh v Public Prosecutor [2008] 1 MLJ 397*